

PENGENALAN RINGKAS ANUGERAH KUALITI PENGURUSAN KEWANGAN (AKPK)

- Mula diperkenalkan pada tahun 1999 dengan dikenali sebagai Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan (AKKSUKK).
- Pada 8 Februari 2007 dinamakan semula sebagai Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (AKPK).
- Anugerah ini diberikan kepada agensi Kerajaan yang telah memenuhi ciri-ciri kecemerlangan dalam pengurusan kewangan berdasarkan empat (4) kriteria yang telah ditetapkan.
- Pemilihan pemenang anugerah ini akan dibuat setiap tahun.
- Mulai tahun 2007, AKPK dianugerahkan kepada empat (4) pemenang iaitu bagi kategori Kementerian/Kerajaan Negeri, Jabatan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

- **Objektif Anugerah**
 - a) Menggalak dan meningkatkan kualiti kepimpinan, keutuhan, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan di Sektor Awam;
 - b) Mewujudkan piawaian dan penandaarasan melalui kriteria anugerah bagi melaksanakan sistem pengurusan kewangan yang unggul di Sektor Awam;
 - c) Memberi pengiktirafan secara formal kepada agensi Kerajaan yang telah menunjukkan kecemerlangan di dalam pengurusan kewangan; dan
 - d) Menggalakkan perkongsian pintar amalan-amalan terbaik dalam pengurusan kewangan strategik di antara agensi Kerajaan.

- **Bentuk Anugerah**

Sebanyak empat (4) kategori akan dipertandingkan seperti berikut :-

Kategori	Hadiah
Kementerian / Kerajaan Negeri	RM15,000 beserta sebuah piala dan sijil penghargaan
Jabatan	RM15,000 beserta sebuah piala dan sijil penghargaan
Badan Berkanun	RM15,000 beserta sebuah piala dan sijil penghargaan
Pihak Berkuasa Tempatan	RM15,000 beserta sebuah piala dan sijil penghargaan